



Ruj.Kami : JPA.BK(S) 134/4/8-5 Jld.5( 4 )

Tarikh : 3 Jun 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR  
(PERKERANIAN/ OPERASI) [PT(P/O)] GRED N26 PERKHIDMATAN GUNASAMA  
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] Gred N26 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat PT(P/O) Gred N22 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 pada **31 Disember 2010 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N22 berubah ke tarikh 1 Januari 2011 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** yang disertakan.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 10.07.2020** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p.: Puan Nor Shahniza binti Shahbudin)**

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah **disahkan oleh BPSM** boleh menyebabkan **permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani - 03-8885 4943  
[zahrin.rani@jpa.gov.my](mailto:zahrin.rani@jpa.gov.my)
- ii. Puan Siti Aishah binti Zakaria - 03-8885 4176  
[aishah.zakaria@jpa.gov.my](mailto:aishah.zakaria@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.



Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

 : 03-8885 4110  
 : [zulkefley.sabri@jpa.gov.my](mailto:zulkefley.sabri@jpa.gov.my)

## LOKASI PENEMPATAN

<b>Kod</b>	<b>Lokasi Penempatan</b>
01	Perlis
02	Kedah
03	Pulau Pinang
04	Kelantan
05	Terengganu
06	Pahang
07	Perak
08	Selangor
09	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
10	Wilayah Persekutuan Putrajaya
11	Melaka
12	Negeri Sembilan
13	Johor Bahru
14	Sarawak
15	Sabah